

Dinasti Chola

Karya gangsa pada abad ke-9 hingga abad ke-12

Antara karya seni yang paling luar biasa adalah arca-arca kuil gangsa yang dihasilkan di selatan India sezaman Empayar Chola. Salah satu prinsip asas penyembahan Hindu ialah *darshan*, iaitu untuk melihat dan dilihat oleh dewa. Pada asalnya, hubungan ini hanya berlaku di bahagian tempat suci di dalam kuil, di mana penganut-penganut yang berkedudukan rendah terkecuali. Namun sekitar abad ke-6, terbitlah konsep baru di selatan India di mana perarakan dewa-dewa ini dijalankan di luar perkarangan kuil pada hari-hari perayaan agar patung-patung tersebut dapat disaksikan ramai. Pembaharuan ini membawa kepada pengeluaran prolifik bagi arca-arca gangsa mudah alih yang lebih halus.

Seni arca kuil Hindu

Kuil Hindu menghubungkan para penganut yang beriman dengan dewa-dewi. Sesebuah kuil merupakan kediaman sementara buat dewa. Perlambangan yang kompleks serta upacara-upacara pemujaan dipersembahkan di dalam untuk menarik kehadiran dewa tersebut. Salah satu pemujaan yang penting adalah untuk mengelilingi bangunan kuil sambil merenungi gambaran dewa-dewi. Arca-arca sebegini direka untuk dimuatkan ke dalam reka bentuk kuil secara keseluruhannya, dan ditempatkan di kedudukan-kedudukan masing-masing sebagai gambaran konsep kosmologi bangunan tersebut.

Hiasan pada bangunan kuil dipercayai mengandungi semangat dewa utama yang ditempatkan di bahagian tempat suci. Contohnya, patung-patung dewa yang berhubung kait dengan kesuburan tanah melambangkan kuasa kreatif tuhan. Menjelang pertengahan abad ke-10, reka bentuk kuil Hindu telah berkembang daripada dewan berbentuk sel tunggal yang sederhana dan beranjung kepada struktur yang kompleks yang dilengkapi dengan dewan penuh hiasan serta bangunan-bangunan mencakar langit yang didudukkan atas tunggak-tunggak tinggi.

Jainisme

Jainisme merupakan salah satu daripada tiga agama India yang utama. Berbeza dengan Hinduisme dan Buddhisme, Jainisme tidak disebarkan di luar India. Agama Jaina telah dianuti sejak abad ke-6 Sebelum Masihi lagi. Ia diwujudkan bagi menentang Brahmanisme dan sistem kasta dan didorongi keinginan untuk menolak pengorbanan haiwan secara ritual. Sesama agama Hindu dan Buddha, matlamat setiap penganut Jaina adalah untuk membebaskan diri daripada lingkaran kelahiran semula yang abadi. Bagi memperoleh kesedaran, seseorang harus menguasai nafsu, hidup sebagai seorang zahid dan tidak mencederakan segala yang hidup. Tatkala agama ini mula berkembang, ia turut merangkumi dewa-dewi Veda.

Para penganut Jaina menyanjungi 24 *Jina* yang sudah mencapai tahap kebahagiaan yang menjangkau diri. *Jina* bermaksud "pembebas" atau "penakluk". Mereka membantu semua makhluk membebaskan jiwa daripada batasan tubuh mereka. *Jina* juga digelar sebagai "penyeberang sungai" atau "ahli yang mengharungi" (*tirthankaras*) kerana mereka telah dilepaskan daripada lingkaran kelahiran semula yang abadi.

Pemikiran Tantrik

Tantra merupakan sebuah kanun upacara dan amalan yang penuh misteri. Pemujaan sebegini menerusi penggunaan sihir dan rajah-rajah matematik ditujukan untuk menembusi dunia ghaib. Pengamal Tantrik bertafakur mengenai tenaga yang mengalir melalui alam semesta, termasuk tenaga dari tubuh mereka bagi mencapai matlamat kerohanian. Amalan bertafakur sedemikian akan meningkatkan tahap kesedaran. Tubuh dianggap sebagai sebuah alam kecil yang merupakan alam semesta dan tenaga seksual manusia dipadankan dengan tenaga kreatif kosmik.

Pemikiran Tantrik mendahului Hinduisme dan Buddhisme yang kemudian mengamalkan unsur-unsur Tantrik melalui cara-cara yang berbeza. Jikalau upacara pemujaan dan amalan bertafakur dilakukan dengan sempurna, kesedaran boleh dikecapi dalam satu hayat. Citra Tantrik yang rumit dilakarkan pada lukisan dan arca bagi menerangkan konsep-konsep esoterik.

Kesenian Islam, abad ke-7 hingga abad ke-20

"Kesenian Islam" merupakan istilah moden yang merujuk pada karya seni yang dihasilkan untuk atau oleh masyarakat-masyarakat di daerah-daerah yang kebanyakan penduduknya menganut Islam. Daerah-daerah tersebut merangkumi Afrika utara, Timur Tengah, dan beberapa bahagian di Asia Selatan dan Asia Tenggara yang dianggap secara umum sebagai dunia Islam. Sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w (sekitar 570–632), objek-objek yang mempunyai ciri-ciri tersendiri telah dihasilkan bagi kegunaan masyarakat Islam.

Geografi yang luas dan kronologi yang panjang telah menghasilkan keanekaragaman yang menarik. Lantas, kesenian Islam tidak terbatas kepada satu gaya sahaja, malah ia juga tidak dapat ditentukan berdasarkan agama yang dianuti para penghasil kerana mereka tidak semestinya beragama Islam. Namun, ada ciri-ciri dan kecenderungan yang dapat dilihat secara umum. Prinsip keesaan Allah (tauhid), di mana Allah dianggap sebagai Pencipta yang tunggal dan tidak boleh diwakili, mendorong kecenderungan kepada motif-motif abstrak daripada seni berupa. Ciri-ciri lain termasuk penggunaan semula corak-corak yang sama pada media yang berbeza-beza serta penghiasan barang yang penuh bercorak dan berlapisan yang menjadi citarasa umum.

Bentuk-bentuk seni dari pelbagai pelosok dunia Islam juga berhubungkait melalui bentuk-bentuk yang digunakan dalam hal-ehwal ibadah, terutama di masjid-masjid, iaitu: Quran, rehal, mimbar, lampu, dan hiasan seni bina.

Seni bina Islam

Penggunaan hiasan yang meluas – pada batu, kayu, plaster, atau jubin-jubin berkaca – menyifatkan seni bina dunia Islam. Para pengkarya menggemari corak geometri, seni khat, dan reka bentuk berdasarkan tumbuhan-tumbuhan semula jadi. Bentuk seni ini lazimnya digabung dengan corak simetrik yang boleh diulang dan diperluaskan tanpa batas agar dapat meliputi permukaan pelbagai saiz. Hiasan biasanya diwarna-warnikan agar bangunan-bangunan ini terserlah di antara persekitaran mereka, sebagaimana jubin biru terang digunakan pada monumen pengebumian di Multan (Pakistan Tengah) yang mempunyai landskap seperti gurun.